

Soalan Lazim Penyata dan Nota Pengesahan Pelaburan

A. Penyata Kertas Bercetak dan Nota Pengesahan

1. Adakah saya masih menerima Penyata dan Nota Pengesahan Kertas Bercetak?

Berkuatkuasa 31 Julai 2020, kami tidak akan lagi menghantar Penyata dan Nota Pengesahan Kertas Bercetak untuk semua produk Pelaburan Perbankan Peribadi.

Anda boleh melihat dan memuat turun e-Penyata dan e-Nota Pengesahan daripada Perbankan Dalam Talian HLB Connect & Connect App atau melanggan untuk perkhidmatan penghantaran Penyata E-mel. Penyata dan Nota Pengesahan Kertas Bercetak hanya tersedia atas permintaan.

2. Apakah jenis akaun Pelaburan Perbankan Peribadi yang terjejas?

Jenis akaun Pelaburan Perbankan Peribadi yang terjejas ialah :

- Pelaburan – Unit Amanah, Bon/ Sukuk dan Produk Berstruktur (tidak termasuk Pelaburan Dwi Mata Wang)

	Unit Amanah	Bon/ Sukuk	Produk Berstruktur	Pelaburan Dwi Mata Wang
Penyata Akaun	Eletronik	Eletronik	Eletronik	Tidak Berkenaan
Nota Pengesahan	Eletronik	Eletronik	Eletronik	Kertas Bercetak

3. Bagaimana saya boleh memohon untuk Penyata Kertas Bercetak dan Nota Pengesahan?

Untuk permohonan Penyata dan Nota Pengesahan Kertas Bercetak, kunjungi mana-mana cawangan HLB atau menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di 03-7626 8899.

Atas permohonan, anda akan terus menerima Penyata dan Nota Pengesahan Kertas Bercetak secara percuma, kecuali jika bayaran yang dikenakan telah diluluskan oleh BNM pada masa akan datang.

4. Siapa yang dikecualikan daripada migrasi ke e-Penyata dan e-Nota Pengesahan?

Kumpulan berikut dikecualikan daripada migrasi ke e-Penyata dan e-Nota Pengesahan :

- Pelanggan Kurang Upaya (OKU)*
- Pelanggan tanpa akses internet*
- Pelanggan yang berumur 60 tahun dan ke atas pada 31 Julai 2020 (Pengecualian Automatik)

* Pengecualian tertakluk kepada pengisytiharan diri pelanggan melalui kunjungan ke mana-mana cawangan HLB atau menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan di 03-7626 8899.

5. Apakah maklumat yang diperlukan untuk permohonan Penyata dan Nota Pengesahan Kertas Bercetak?

- Nama Penuh (seperti Kad Pengenalan/ Pasport)
- Nombor Telefon Bimbit
- Alasan untuk pengecualian
- Lampiran Kad OKU

6. Adakah saya akan mendapat pengecualian secara automatic daripada migrasi ke e-Penyata dan e-Nota Pengesahan selepas permohonan ke Hong Leong Bank?

Ya, anda akan mendapat pengecualian secara automatik setelah anda memberikan maklumat yang diperlukan kepada Hong Leong Bank.

7. Sekiranya permohonan pengecualian berjaya, adakah ia pengecualian secara kekal?

Ya, ia akan dikecualikan secara kekal kecuali anda membuat permintaan untuk menghentikan Penyataan Kertas Bercetak & beralih ke e-Penyata. Sila rujuk kepada Soalan B4 & B5 untuk cara melanggan e-Penyata / Penyata E-mel.

B. e-Penyata dan e-Nota Pengesahan

1. Apa itu e-Penyata dan e-Nota Pengesahan?

e-Penyata adalah versi elektronik penyata akaun.

e-Nota Pengesahan adalah versi elektronik pengesahan transaksi.

Anda mempunyai pilihan untuk :

- Muat turun secara terus daripada Perbankan Dalam Talian HLB Connect & Connect App dan/atau
- Dihantar ke alamat e-mel berdaftar anda sebagai lampiran ketika anda melanggan Penyata E-mel (Individu dan Pemilik Tunggal sahaja).

2. Adakah saya perlu membayar untuk e-Penyata dan e-Nota Pengesahan?

Tidak, perkhidmatan e-Penyata dan e-Nota Pengesahan diberikan kepada anda tanpa caj.

3. Adakah selamat untuk menggunakan e-Penyata dan e-Nota Pengesahan?

Ya, e-Penyata dan e-Nota Pengesahan dijamin selamat kerana maklumat anda dilindungi oleh kata laluan.

4. Bagaimana saya boleh memperolehi e-Penyata dan e-Nota Pengesahan?

Pelanggan boleh memperolehi e-Penyata dan e-Nota Pengesahan dengan cara yang berikut :

a. Perbankan Dalam Talian HLB Connect

Langkah 1 : Log masuk ke www.hongleongconnect.com.my

Langkah 2 : Klik "Statement/Invoices" > "Online Statement" or "Subscription Confirmation Advice"

Langkah 3 : Klik "Download Statement" or "Download Confirmation Advices" pada akaun pilihan anda.

b. HLB Connect App

Langkah 1 : Log masuk ke HLB Connect App

Langkah 2 : Klik "Overview" > Klik pada akaun pilihan anda

Langkah 3 : Klik "Statements"> "Select Document Type"> Choose "Statement" atau "Subscription Confirmation Advices" > "Download"

5. (Individu dan Pemilik Tunggal Sahaja) Bagaimana saya melanggan Penyata E-mel?

Pelanggan boleh mendapatkan Penyata E-mel dengan cara berikut:

a. Perbankan Dalam Talian HLB Connect

Langkah 1 : Log masuk ke www.hongleongconnect.com.my

Langkah 2 : Klik "Statement/ Invoice">"Email Subscription" > "Statement Subscription"

Langkah 3 : Tanda "Stop Hard Copy Statement" pada akaun pilihan anda

Langkah 4 : Tanda "Email Subscription"> masukkan alamat e-mel pilihan anda dan klik "Submit".

Jika anda bukan pengguna Perbankan Dalam Talian HLB Connect, sila mendaftar sekarang dengan mengikut langkah bawah:-

Sebelum anda bermula, anda memerlukan :

- Nombor telefon bimbit yang didaftarkan untuk menerima Transactions Authorisation Codes (TAC) perbankan dalam talian.
- ID Sementara diperlukan untuk pelanggan berikut:
 - i. Pemegang Akaun Semasa/-i atau Simpanan/-i tanpa Kad Debit Hong Leong/-i
 - ii. Pemegang Akaun Deposit Tetap/-i

Kunjungi mana-mana Cawangan HLB untuk mengemas kini nombor telefon mudah alih atau mendapatkan ID Sementara.

- Pendaftaran Perbankan Dalam Talian HLB Connect

Langkah 1 : Log masuk ke www.hongleong.com.my and klik butang "Register"

Langkah 2 : Pilih produk semasa anda untuk pengesahan diri

Langkah 3 : Masukkan butiran kad/ akaun anda dan ikuti arahan untuk mewujudkan maklumat log masuk anda termasuk Name Pengguna, Kata Laluan, Gambar Keselamatan & Soalan Keselamatan.

b. ATAU hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di 03-7626 8899

c. ATAU kunjungi mana-mana cawangan HLB.

6. Bilakah saya akan menerima e-Penyata dan e-Nota Pengesahan jika saya mendaftar untuk e-Penyata sekarang?

i. e-Penyata

e-Penyata tersedia untuk dilihat atau dimuat turun setelah pendaftaran Perbankan Dalam Talian HLB Connect & Connect App. Untuk e-Penyata melalui E-mel ("Penyata E-mel"), anda akan menerima Penyata E-mel pertama anda pada tarikh penyata akaun anda selepas langganan Penyata E-mel anda.

ii. Confirmation Advices

Anda akan menerima e-Nota Pengesahan pertama anda setelah selesai transaksi (jika berkenaan) setelah pendaftaran Perbankan Dalam Talian HLB Connect & Connect App.

7. Adakah saya boleh menyimpan e-Penyata dan e-Nota Pengesahan saya?

Ya, anda boleh menyimpan e-Penyata dan e-Nota Pengesahan anda dengan memuat turunnya ke peranti simpanan elektronik anda

8. Berapa lamakah e-Penyata dan e-Nota Pengesahan saya boleh didapati di Perbankan Dalam Talian HLB Connect?

e-Penyata dan E-Nota Pengesahan boleh didapati untuk dilihat dan dimuat turun di Perbankan Dalam Talian HLB Connect seperti di bawah :

	Statement/ Advices Frequency	e-Penyata/ e-Nota Pengesahan boleh didapati untuk dilihat
Penyata Akaun	Bulanan	24 bulan terkini +1 bulan (bulan semasa)
Nota Pengesahan	Ad-hoc (Asas Transaksional)	24 bulan terkini +1 bulan (bulan semasa)

9. (Individu dan Pemilik Tunggal sahaja) Boleh saya menukar e-mel dan kata laluan untuk e-Penyata yang dihantar ke e-mel?

Ya, anda boleh menukar alamat e-mel tetapi kata laluan tidak dapat diubah. Anda boleh menukar alamat e- mel anda dengan cara yang berikut:

a. Perbankan Dalam Talian HLB Connect

- Langkah 1 : Log masuk ke www.hongleongconnect.com.my
- Langkah 2 : Layari “Home” dan klik “ Statement/Invoice” > “Email Subscription”
- Langkah 3 : Pilih “Statement Subscription” untuk menukar alamat e-mel anda

b. ATAU hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di 03-7626 8899

c. ATAU kunjungi mana-mana cawangan HLB.

10. (Individu dan Pemilik Tunggal sahaja) Saya ingin melihat Penyata dan Nota Pengesahan saya di Perbankan Dalam Talian HLB Connect dan tidak mahu menerima e-Penyata dan e-Nota Pengesahan melalui e-mel. Bagaimanakah saya berhenti melanggan untuk Penghantaran Penyata E-mel?

Anda boleh berhenti melanggan untuk perkhidmatan ini dengan mengikuti langkah berikut melalui Perbankan Dalam Talian HLB Connect

- Langkah 1 : Layari “Home”> “Statement/Invoice” > “Email Subscription” >
- Langkah2 : Pilih “Statement Subscription” dan nyah tanda “Email Subscription”

e-Penyata dan e-Nota Pengesahan (jika berkenaan) tidak akan dihantar ke e-mel anda dalam kitaran penyata berikut.

11. Apakah keperluan perisian atau perkakasan yang diperlukan untuk melihat e-Penyata dalam talian?

Untuk melihat e-Penyata dalam talian, anda perlu mempunyai perisian atau perkakasan berikut:

- Komputer peribadi, tablet atau computer riba dengan akses Internet
- Pelayar Internet (jenis pelayar yang disokong adalah Microsoft Internet Explorer, Mozilla Firefox, Google Chrome, Safari dan Opera)
- Adobe Acrobat Reader